

# Adakah rawatan sia-sia?

Memandangkan ketagihan kini dianggap sebagai penyakit, terapi ganti dadah diatur mengikut keperluan individu disyorkan.

KOSMO 23/7/08 M/S 20

**B**ILANGAN penagih dadah dijangka berganda menjelang tahun 2015 berbanding 270,000 orang sekarang ini dan angka itu menunjukkan ketagihan bukan sekadar masalah sosial atau tata laku.

Satu bengkel yang diadakan baru-baru ini sempena Bulan Antidadah Sedunia menekankan bahawa ketagihan merupakan penyakit kronik otak. Pandangan ini disokong oleh kajian saintifik dan semakin diterima.

Dr. Sivakumar Thurairajasingam, Pakar Perunding Psikiatri Sekolah Klinikal Universiti Monash di Johor Bahru menjelaskan bahawa ketagihan dadah merupakan satu penyakit kronik, yang selalunya berulang, disebabkan perubahan dalam struktur otak kerana penyalahgunaan dadah bagi tempoh yang lama.

Bukan mudah untuk membuang tabiat tersebut khasnya apabila seseorang itu mencapai tahap bergantung kepada dadah untuk hidup. Seseorang itu dikatakan mencapai tahap ini sebenarnya mengalami penyakit ketagihan.

Pada peringkat ini, penagih tidak lagi mengambil dadah untuk mencapai rasa hebat tetapi untuk membolehkan terus berfungsi seperti biasa dari segi psikologi dan fisiologi.

Oleh itu, dalam merawat penagih, mereka diberikan ubat-ubat yang selamat sebagai ganti (terapi ganti dadah).

Sivakumar berkata matlamat rawatan bagi penagih ialah untuk memperbaharui



**JUMLAH** besar penagih tegar yang kembali menagih menimbulkan persoalan, adakah teknik rawatan selama ini masih relevan? – Gambar hiasan

kata jika rawatan tidak mudah dicapai

kehidupan mereka, berusaha ke arah mengurangkan ancaman dan mengurangkan pergantungan kepada bahan khayal.

## Rawatan hanya sia-sia?


Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) mendedahkan bahawa kos memulihkan penagih mencapai sehingga RM50 juta setiap tahun tetapi yang menjadi persoalan, bolehkan penagih dipulihkan sepenuhnya?

Dr. Salina Abdul Aziz, Pakar Perunding Psikiatri dan Epidemiologi di Jabatan Psikiatri Hospital Kuala Lumpur berkata, mereka yang mencapai tahap bergantung kepada dadah untuk terus hidup mungkin tidak boleh pulih sepenuhnya tetapi masalah mereka itu boleh dikawal dan diuruskan.

“Ia bagaikan satu penyakit kronik yang berulang seperti diabetes dan asma. Ketagihan dadah boleh dikawal dengan jayanya jika sekalipun tidak dapat dipulihkan sepenuhnya,” katanya.

Beliau juga berkata tiada siapa yang boleh mendakwa sebagai bekas penagih dia bebas selama-lamanya, walaupun telah menjauhi dadah selama 20 tahun kerana ia boleh berulang pada bila-bila masa.

“Bagaimanapun kegagalan bukanlah bererti kita sudah tiada harapan. Ia hanya menunjukkan rawatan perlu diulangi, diubahsuai atau kaedah rawatan lain diperlukan untuk



**GOLONGAN** belia paling mudah terpengaruh dengan gejala dadah.

mengawal semula ketagihan dan pulih,” katanya.

## Apa pilihan yang ada?

Memandangkan ketagihan kini dianggap sebagai penyakit, terapi ganti dadah diatur mengikut keperluan individu disyorkan. Proses itu bermula dengan detoksifikasi sebelum meneruskan dengan terapi ganti dadah menggunakan metadon atau



**PELBAGAI** jenis dadah baru diperkenalkan pada hari ini.

buprenorphine/naloxone.

Penagih juga menjalani kaunseling serta rawatan bagi penyakit lain termasuk jangkitan HIV dan lain-lain, yang kesemuanya sebahagian daripada proses pemulihan.

Salina menekankan bahawa rawatan perlu mudah dicapai memandangkan dadah mudah diperoleh. “Dadah boleh dihantar ke rumah atas permintaan. Dadah sintetik boleh dibuat di mana-mana,” kata beliau dan menambah

kata jika rawatan tidak mudah dicapai bekas penagih akan kembali kepada dadah.

Untuk memastikan rawatan mudah dicapai, klinik-klinik swasta menyediakan Rawatan Berasaskan Kepada Komuniti (CBT) mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. CBT menawarkan penagih, terapi ganti dadah dalam persekitaran seperti klinik swasta, pusat pakar atau kediaman di seluruh negara.

Sehingga ini, 528 buah klinik swasta mendaftar untuk menyediakan perkhidmatan dengan 18,000 penagih berdaftar untuk rawatan. Selangor mencatatkan bilangan tertinggi penagih yang berdaftar untuk rawatan, kira-kira 4,000 orang.

Program CBT menggunakan platform pemantauan berpusat internet yang dikenali sebagai Daftar Terapi Ganti Dadah Kebangsaan (NDST) untuk mengesan dan memantau bekalan buprenorphine/naloxone dan juga metadon bagi pesakit yang menjalani rawatan.

Salina juga berkata pemantauan akan membantu mengelakkan penyalahgunaan dadah ganti itu.

Jika ketagihan dadah merupakan penyakit, bolehkah penagih tidak dipersalahkan atas perbuatan mereka yang memudaratkan itu?

Di sini, Sivakumar dan Salina berpendapat serupa, yang penting elakkan dadah sama sekali.

“Jika anda ketagihan, maka anda patut salahkan diri sendiri,” kata Dr. Sivakumar. – Bernama